



PENDUDUK terpaksa menggunakan rakit pisang untuk membawa keperluan asas setelah terputus hubungan di Kampung Arus, Sebuyau, Sarawak, semalam. - BERNAMA

Banjir di Sarawak semakin buruk, 921 orang dipindah

KUCHING 26 Dis. - Keadaan banjir di negeri ini semakin buruk khususnya di Bahagian Samarahan apabila 921 mangsa daripada 231 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan setakat pukul 3.30 petang ini.

Keadaan dikhuatiri semakin teruk malam ini berikutan ramalan fenomena air pasang besar bermula pukul 7 malam yang akan menyebabkan paras air laut meningkat.

Pegawai Kawalan di Bilik Operasi Negeri, Zulkifli Net berkata, jumlah mangsa di Samarahan itu membabitkan beberapa kampung di Sadong Jaya dan Asajaya, dekat sini.

"Setakat ini, sebanyak tiga pusat pemindahan banjir dibuka di Samarahan iaitu di Kompleks Sukan Asajaya, Sekolah Kebangsaan (SK) Haji Kelali dan Surau Kampung Ranganwan," katanya yang dihubungi

Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Hujan lebat melanda beberapa bahagian di negeri ini bermula malam kelmarin sehingga Jabatan Meteorologi mengeluarkan Amaran Hujan Lebat (Peringkat Jingga) pada pagi semalam.

Menurut amaran berkenaan, hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di Bahagian Kuching (Daerah Kuching dan Bau) dijangka berterusan sehingga esok dan menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Sementara itu, Zulkifli berkata, kawasan Ulu Balingian di Bahagian Sibu juga turut terjejas sehingga menyebabkan lebih 500 mangsa daripada 121 keluarga di empat rumah panjang dipindahkan ke SK Bukit Arip.

Di sekitar Kuching pula, beliau berkata, beberapa kawasan sudah dilaporkan di-

naiki air dan setakat ini masih belum ada pusat pemindahan dibuka secara rasmi.

"Semua penduduk di kawasan yang mula dinaiki air dinasihatkan supaya berjaga-jaga dan memberi kerjasama kepada pihak berkuasa apabila diminta berpindah," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asajaya, Abdul Karim Rahman Hamzah berharap, semua mangsa banjir bersabar dengan dugaan itu,

Beliau yang merupakan Menteri Muda Perumahan negeri dan Menteri Muda Pembangunan Belia negeri berkata, apa yang lebih penting ialah semua mangsa perlu menjaga keselamatan untuk memastikan tiada perkara buruk berlaku.